



## SIARAN AKHBAR

### **BRUNEI DARUSSALAM MENCAPAI KEDUDUKAN KE-12 DALAM ISLAMIC FINANCE DEVELOPMENT INDICATORS 2021**

---

1. Negara Brunei Darussalam telah meraih kedudukan ke-12 daripada 135 negara yang dinilai bagi perkembangan kewangan Islam seperti yang dilaporkan dalam Islamic Finance Development Report 2021: Advancing Economies yang telah dikeluarkan oleh Refinitiv. Laporan ini mengambil kira data keseluruhan bagi tahun 2020 di mana Negara Brunei Darussalam telah mencapai sebanyak 34 mata dalam Islamic Finance Development Indicator (IFDI). IFDI secara purata global bagi tahun 2020 telah meningkat kepada 11.0 mata berbanding 10.8 mata pada tahun sebelumnya. Skor IFDI 2021 mengambil kira beberapa metrik utama yang membentuk tahun 2020 semasa penularan pandemik COVID-19.
2. Laporan ini menunjukkan bahawa industri kewangan Islam global telah mengekalkan pertumbuhan dua angka, iaitu sebanyak 14% tahun-ke-tahun dengan jumlah USD 3.374 trilion pada tahun 2020, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran disebabkan oleh pandemik COVID-19. Laporan tersebut juga menganggarkan industri kewangan Islam global akan meningkat kepada USD 4.94 trilion menjelang tahun 2025, di mana purata pertumbuhan dianggarkan sebanyak 8% dalam tempoh lima tahun akan datang. Perbankan Islam merupakan bahagian terbesar dalam aset kewangan Islam 2020 [70%], diikuti oleh Sukuk [19%], institusi kewangan Islam lain [5%], dana Islam [5%] dan Takaful [2%].
3. Refinitiv menerbitkan laporan IFDI setiap tahun untuk memberikan maklumat mengenai kemajuan perkembangan kewangan Islam dan profil pelbagai pasaran kewangan Islam global. Kemajuan perkembangan kewangan Islam adalah berdasarkan lima penunjuk utama, iaitu Perkembangan Kuantitatif (Perbankan Islam, Takaful, Institusi Kewangan Islam lain, Sukuk dan Dana Islam); Pengetahuan (Pendidikan dan Penyelidikan); Tadbir Urus (Peraturan, Tadbir Urus Syariah dan Tadbir Urus Korporat); Tanggungjawab Sosial Korporat ataupun *Corporate Social Responsibility* (CSR) (Aktiviti CSR dan Dana CSR); dan Kesedaran (Seminar, Laporan dan Persidangan). Malaysia, Indonesia dan Arab Saudi telah dilaporkan sebagai tiga pasaran kewangan Islam teratas dalam pembangunan keseluruhan, manakala Maldives telah naik kedudukan dari tempat ke-12 kepada tempat ke-10 dengan peningkatan yang ketara bagi penunjuk CSR.
4. Pada tahun 2020, Negara Brunei Darussalam meraih tempat pertama dalam sub-penunjuk Peraturan, di bawah penunjuk Tadbir Urus. Di samping itu, Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan yang ketara bagi penunjuk Pengetahuan, di mana Negara Brunei Darussalam mencapai kedudukan ke-lima bagi sub-penunjuk Penyelidikan.
5. Dari segi pertumbuhan aset, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kedudukan ke-lapan dalam aset institusi kewangan Islam lain dengan nilai sebanyak USD 2 bilion, dan berada di kedudukan ke-10 negara teratas dalam aset Takaful bernilai sekitar USD 0.4 billion pada tahun 2020.

6. Laporan ini juga telah mengenalpasti Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang menerbitkan jumlah sukuk yang agak signifikan secara berterusan di rantau Asia Tenggara, bersama dengan Malaysia dan Indonesia. Asia Tenggara dicatatkan memegang nilai aset Sukuk tertinggi secara global dengan jumlah USD 335 bilion.
7. Laporan tersebut juga melaporkan peluang-peluang bagi perkembangan *Islamic FinTech* di Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu pasaran kewangan Islam yang sedang membangun. Ini termasuk penyertaan platform *peer-to-peer (P2P) crowdfunding* patuh Syariah pertama dalam FinTech Regulatory Sandbox dan penerbitan *The State of FinTech in Brunei Darussalam Whitepaper* yang antarlainnya mengongsikan bidang-bidang di dalam *Islamic FinTech* di Negara Brunei Darussalam yang berpotensi untuk pertumbuhan.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 19 Syaaban 1443 / 22 Mac 2022

Ruj: BDCB/COMMS/3